

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG**  
**(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PERTUMBUHAN EKONOMI BAGI PENGGAL PERTAMA TAHUN 2017  
NEGERI SELANGOR**

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan catatan pertumbuhan ekonomi bagi penggal pertama Tahun 2017 di Negeri Selangor ; dan
- b) Apakah perancangan serta strategik Kerajaan Negeri untuk memperkasa aktiviti ekonomi tempatan demi menjamin kesejahteraan, kemakmuran dan keharmonian Rakyat terus dijaga ?

**JAWAPAN:**

- a) Y.B. Telok Datok telah bertanya tentang pertumbuhan ekonomi bagi penggal pertama tahun 2017 di Negeri Selangor manakala Y.B. Batang Kali pula bertanya berkaitan prestasi ekonomi Selangor untuk suku tahun pertama 2017 berbanding 2016. Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang disebutkan sebentar tadi.

Berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh *Malaysian Institute of Economic Research* (MIER), Negeri Selangor mencapai kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.3% pada suku tahun pertama 2017. Ia merupakan pertumbuhan sebanyak 0.5% jika dibandingkan dengan suku tahun pertama 2016 iaitu sebanyak 4.8%. Semua sektor utama ekonomi juga mencatatkan perkembangan positif dengan sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar KDNK Selangor dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 5.5% dengan nilai sumbangan sebanyak RM37,501 juta iaitu peningkatan nilai sumbangan sebanyak RM1,952 juta berbanding RM35,549 juta pada suku tahun pertama 2016. Sektor pembuatan pula telah mencatatkan peningkatan sebanyak 4.25% dengan nilai sumbangan berjumlah RM18,211 juta iaitu peningkatan nilai sumbangan sebanyak RM742 juta berbanding RM17,469 juta pada suku tahun pertama 2016. Peningkatan dalam sektor pembinaan merupakan yang paling tinggi iaitu sebanyak 8.46% dengan nilai sumbangan berjumlah RM3,988 juta pada suku tahun pertama 2017 berbanding RM3,677 juta pada suku tahun pertama 2016. Sektor perlombongan dan pengkuarian pula menunjukkan peningkatan kedua tertinggi pada suku tahun

pertama 2017 jika dibandingkan dengan suku tahun pertama 2016 iaitu sebanyak 7.48% dengan nilai sumbangan berjumlah RM158 juta berbanding RM147 juta pada 2016.

Berdasarkan prestasi utama ekonomi di suku tahun pertama 2017 ini, Kerajaan Negeri Selangor optimis pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor akan terus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan pada keseluruhan tahun 2017.

- b) Y.B. Telok Datok juga bertanya tentang perancangan serta strategi untuk memperkasa aktiviti ekonomi tempatan demi menjamin kesejahteraan, kemakmuran dan keharmonian rakyat terus dijaga manakala Y.B Batang kali pula bertanya tentang langkah-langkah yang diambil untuk memacu prestasi ekonomi negeri tahun 2017.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, seiring dengan kemajuan industri berteknologi tinggi, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi melalui pelaburan berimpak tinggi. Fokus ditumpukan terhadap pelaburan domestik dan luar negara dalam usaha untuk menjadikan Negeri Selangor lebih kompetitif dan berdaya saing di dalam lima (5) industri utama yang telah dikelaskan mengikut kluster iaitu:

1. Kluster Elektrik & Elektronik (*Electricals & Electronic Cluster*);
2. Kluster Makanan (*Food Cluster*);
3. Kluster Sains Hayat (*Life Sciences Cluster*);
4. Kluster Pemesinan dan Kejuruteraan (*Machinery and Engineering Cluster*);  
dan
5. Kluster Peralatan Pengangkutan (*Transport Equipment Cluster*)

Beberapa bidang industri tumpuan berdasarkan kluster-kluster tersebut telah dikenalpasti berpotensi untuk berkembang pesat di Negeri Selangor seperti:

1. E-dagang (*E-Commerce*);

Menerusi Majlis Teknologi Informasi dan E-Dagang Selangor (SITEC), Kerajaan Negeri komited untuk mengukuhkan pelaburan ekonomi digital e-dagang dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memupuk penjanaan ekonomi e-dagang melalui pelbagai teras antaranya memberikan pendidikan percuma kepada peniaga dalam bentuk pembelajaran alam maya dan akademi SITEC. Kemunculan Zon Perdagangan Bebas Digital juga

merupakan satu lagi bentuk perubahan yang memberikan peluang kepada peniaga e-dagang bagi mengukuhkan lagi jenama dan pendapatan.

2. Bioteknologi;

Didorong kemajuan industri bioteknologi Jepun telah memberikan keyakinan kepada Kerajaan Negeri untuk membangunkan bioteknologi melalui perkongsian antarabangsa. Penubuhan Majlis Bio Selangor pada Februari 2016 adalah antara inisiatif bagi mengukuhkan lagi kesungguhan Negeri Selangor dalam membangunkan industri sains hayat. Selangor Bio Bay dibangunkan di Pulau Indah dengan keluasan 1,070 ekar untuk memberi fokus bagi menarik pelaburan dalam industri perubatan dan sains hayat berteknologi tinggi. Ia merupakan satu langkah proaktif Kerajaan Negeri untuk bergerak menjadi pusat pertumbuhan baru global dengan mengaplikasikan bioteknologi yang dijangka akan menjadi penggerak utama dunia.

3. Aero-angkasa;

Kerajaan Negeri turut melihat potensi kepesatan industri aeroangkasa dan mensasarkan untuk menjadi tiga hab aeroangkasa terbaik dunia melalui kerjasama dengan pemain industri antarabangsa. Bersandarkan kluster aeroangkasa yang semakin berkembang di Selangor, Kerajaan Negeri menggalakkan penggiat aeroangkasa antarabangsa untuk meneroka ekosistem pelaburan kondusif yang sudah tersedia di Negeri Selangor untuk dimanfaatkan. Pembangunan itu termasuk taman pengeluaran logam aeroangkasa di Serendah dan Subang, Subang Nexus serta Sepang, yang dikenali sebagai Aeropolis Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang. Kerajaan Negeri turut menjangkakan sejumlah RM750 juta dapat dijana menerusi industri aeroangkasa sebaik sahaja kilang di Serendah siap sepenuhnya.

4. Industri halal

Pasaran halal dunia cukup besar iaitu bernilai sekurang-kurangnya RM12 trilion (AS\$3 trilion) setahun. Potensi industri halal dunia mempunyai peluang besar untuk diterokai. Dengan jumlah populasi penduduk Islam hampir dua bilion seluruh dunia serta potensi jualan mencecah hampir RM9.2 trilion setahun peluang terbuka untuk diterokai dan dirintis. Kerajaan Negeri

berhasrat memperkenalkan program ‘Halal International Selangor’ yang menetapkan penguasaan dalam dan luar negara sebagai sasaran baru serta bersifat menyeluruh. Pulau Indah Selangor Halal Hub dan PKFZ Halal *Flagship Zone* yang ditubuhkan pada 2003 dan 2007 dengan gabungan keluasan seluas 1100 ekar merupakan antara pelaburan Kerajaan Negeri dalam memacu dan menggerakkan firma-firma di dalam kluster ini. Kerajaan Negeri percaya pelaburan di dalam industri ini akan menjanjikan imbuhan yang lumayan kepada Negeri Selangor dalam masa terdekat. Sebagai contoh, Ramly Burger telah mengumumkan pelaburan sejumlah RM274 juta untuk membiayai pembangunan kompleks bagi fasa pertama di dalam Halal Hub Industrial Park di Pulau Indah, Klang yang merupakan sebahagian daripada pelaburan berjumlah RM1 bilion untuk membangunkan sebuah pusat pemprosesan bagi meningkatkan kapasiti pasaran eksportnya.

Bagi mempromosikan peluang-peluang pelaburan yang tersedia dan menarik masuk pelaburan ke Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa strategi antaranya:

1. Penjenamaan dan mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi melalui media cetak atau elektronik;
2. Pengemaskinian dan penyediaan buku panduan pelaburan yang komprehensif dan mudah untuk dijadikan bahan rujukan para pelabur;
3. Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu berbangkit berkaitan pelaburan melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang diadakan setiap bulan;
4. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan;
5. Menyediakan peruntukan khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap PBT;
6. Mengadakan Mesyuarat *Industrial Park Management Committee* (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat PBT;
7. Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian;

8. Merangka dan memacu hala tuju pembangunan perindustrian melalui Majlis Mesyuarat yang ditubuhkan iaitu;
  - (a) *Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)*
  - (b) *Halal International Selangor Council*
  - (c) *Selangor Aerospace Council*
  - (d) *Bio-Tech Council*
9. Meningkatkan usaha promosi di luar negara seperti program lawatan pengalakkan pelaburan;
10. Mewujudkan jaringan hubungan atau *networking* dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar negara);
11. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan;
12. Pengelasan kawasan perindustrian mengikut standard kawasan perindustrian luar Negara bagi menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif mengikut keperluan industri;
13. Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri dan pemaju swasta yang berkonsepkan *Managed Industrial Park*; dan
14. Penganjuran Ekspo dan Forum bertaraf antarabangsa di dalam Negeri Selangor.

Ahli-ahli Y.B., adalah menjadi hasrat bagi Kerajaan untuk terus berusaha bagi menyuburkan ekonomi Negeri Selangor seterusnya mengagihkan kekayaan daripada hasil kutipan Negeri kepada rakyat secara adil dan saksama. Sudah tentu perancangan ke arah itu akan memerlukan strategi dan komitmen berterusan daripada pelbagai pihak terutamanya pemimpin-pemimpin masyarakat dan jentera Kerajaan. Rakyat yang berkembang kebolehannya akan menjadikan Selangor sebagai negeri yang kekal progresif dan produktif.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : SKIM PEDULI SISWA NEGERI SELANGOR**

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah permohonan bantuan Skim Peduli Siswa.
  - Nyatakan jumlah penerima Skim Peduli Siswa mengikut universiti dan jumlah bantuan yang diterima.
  - Siapakah yang bertanggungjawab menguruskan skim tersebut?

**JAWAPAN:**

- Permohonan bagi Program Khas Peduli Siswa telah dibuka buat pertama kali pada 1 – 28 Februari 2017. Bagi sesi pertama tahun 2017 ini, Urus Setia telah menerima sebanyak 1,527 permohonan secara online.
- Berikut merupakan jumlah penerima dan anggaran jumlah perbelanjaan tahunan Peduli Siswa bagi Sesi Pertama tahun 2017 mengikut pecahan universiti:

<b>UNIVERSITI</b>	<b>JUMLAH PENERIMA</b>	<b>JUMLAH TAJAAN SETAHUN (RM)</b>
Universiti Teknologi MARA Kampus Selangor	189	1,227,600.00
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	102	663,000.00
Universiti Putra Malaysia	53	350,000.00
Universiti Kebangsaan Malaysia	80	524,500.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>424</b>	<b>2,765,100.00</b>

Jumlah ini tidak termasuk bayaran balik yang dibuat oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi 111 penerima Peduli Siswa Sesi Pertama ini yang dianggarkan berjumlah **RM583,943.76**.

Baki peruntukan akan digunakan untuk tajaan pelajar bagi Sesi Kedua tahun 2017 yang dijangkakan dibuka pada 1 – 31 Ogos 2017.

- c) Program Khas Peduli Siswa diuruskan oleh Cawangan Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku Urus Setia Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PAPAN IKLAN (BILLBOARD)**

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapa bilangan papan iklan berpermit dan tidak berpermit di setiap PBT untuk tahun 2015 dan 2016?
  - Apakah hasil papan iklan bagi setiap PBT untuk 2015 dan 2016?
  - Berapa bilangan papan iklan yang dirobohkah oleh setiap PBT bagi tempoh sama?

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan papan iklan berpermit yang telah dikeluarkan pada tahun 2015 adalah sebanyak 3,950 unit dan bagi tahun 2016 pula adalah sebanyak 3,272 unit. Manakala jumlah bilangan papan iklan yang tidak berpermit bagi tahun 2015 adalah sebanyak 1,816 unit dan bagi tahun 2016 pula adalah sebanyak 1,684 unit. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	BILANGAN PAPAN IKLAN			
	BERPERMIT		TIDAK BERPERMIT	
	2015	2016	2015	2016
<b>MBSA</b>	337	333	18	12
<b>MBPJ</b>	260	267	17	174
<b>MPK</b>	92	64	22	43
<b>MPAJ</b>	124	125	0	0
<b>MPSJ</b>	2305	1709	1247	861
<b>MPS</b>	230	283	170	117
PBT	BILANGAN PAPAN IKLAN			
	BERPERMIT		TIDAK BERPERMIT	
	2015	2016	2015	2016
<b>MPKj</b>	191	218	0	0
<b>MPSp</b>	158	167	174	156
<b>MDKL</b>	90	91	90	91
<b>MDHS</b>	153	2	72	225
<b>MDKS</b>	0	4	6	5
<b>MDSB</b>	10	9	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>3,950</b>	<b>3,272</b>	<b>1,816</b>	<b>1,684</b>

Nota : Sumber maklumat daripada setiap PBT.

- b) Hasil papan iklan bagi setiap PBT untuk 2015 adalah sebanyak **RM23,335,927.98**, manakala bagi tahun 2016 pula sebanyak **RM25,791,071.39**. Perincian hasil papan iklan mengikut PBT adalah seperti berikut :

PBT	HASIL PAPAN IKLAN 2015 (RM)	HASIL PAPAN IKLAN 2016 (RM)
<b>MBSA</b>	2,934,356.00	2,855,399.00
<b>MBPJ</b>	8,573,130.00	10,827,231.05
<b>MPK</b>	208,000.00	136,000.00
<b>MPAJ</b>	843,201.00	907,860.00
<b>MPSJ</b>	3,357,505.78	4,204,296.34
<b>MPS</b>	2,280,000.00	2,310,000.00
<b>MPKj</b>	2,157,302.00	1,655,205.00
<b>MPSp</b>	191,480.00	204,250.00
<b>MDKL</b>	1,997,189.00	2,637,830.00
<b>MDHS</b>	765,000.00	10,000.00
<b>MDKS</b>	20,000.00	35,000.00
<b>MDSB</b>	8,764.00	8,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>23,335,927.98</b>	<b>25,791,071.39</b>

Nota : Sumber maklumat daripada setiap PBT.

- c) Bilangan papan iklan yang dirobohkah oleh setiap PBT bagi tahun 2015 adalah sebanyak 212 unit, manakala bagi 2016 pula adalah sebanyak 412 unit. Perincian mengikut PBT adalah seperti jadual di bawah :

PBT	BILANGAN PAPAN IKLAN YANG DIROBOHKAN 2015	BILANGAN PAPAN IKLAN YANG DIROBOHKAN 2016
<b>MBSA</b>	18	12
<b>MBPJ</b>	17	174
<b>MPK</b>	2	16
<b>MPAJ</b>	0	0
<b>MPSJ</b>	73	82
<b>MPS</b>	80	52
<b>MPKj</b>	0	0
<b>MPSp</b>	9	37
<b>MDKL</b>	0	4
<b>MDHS</b>	10	19
<b>MDKS</b>	3	16
<b>MDSB</b>	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>212</b>	<b>412</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : MENAIK TARAF JALAN NEGERI B131 DAN PERSIMPANGAN JALAN  
PERSEKUTUAN FT54**

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Dewan pernah diberitahu pada sidang 2013/2014 bahawa pelebaran jalan FT54 dan B131 (Jalan Kubu Gajah) akan dimulakan di bawah RMK11. Apakah status perancangan tersebut?
- b) Bilakah projek tersebut akan dimulakan?

**JAWAPAN:**

- a) Projek ini telah diluluskan di bawah RMKe-11 di bawah butiran projek 04103 – Menaiktaraf Dua Persimpangan di Jalan Merbau Sempak B131 – FT54 dengan kos projek sebanyak RM15,000,000.00. Siling RMKe-11 bagi butiran projek ini adalah sebanyak RM500,040.00. Status pelaksanaan projek ini ialah pelantikan perunding akan dilaksanakan pada 2019.
- b) Projek dijangka akan dimulakan pada tahun 2021.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK : RUMAH KEBAJIKAN**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan dalam mewujudkan pangkalan data rumah-rumah kebajikan yang dikendalikan NGO/swasta?
- b) Apakah garis panduan atau sistem pengawasan dalam memastikan institusi-institusi tersebut menepati kepentingan awam?
- c) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan mewujudkan pusat-pusat pemulihan dan pendidikan untuk kanak-kanak autism, down syndrome?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, semua rumah-rumah kebajikan yang dikendalikan oleh NGO / swasta yang menyediakan perkhidmatan jagaan bagi tujuan perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan kepada penghuni sama ada secara harian atau berkediaman perlu didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperintama peruntukan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506].

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun mempunyai pangkalan data pusat jagaan yang berdaftar di bawah Jabatan termasuk rumah-rumah kebajikan.

Senarai pusat-pusat jagaan berdaftar ini boleh disemak menerusi laman web rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat di alamat [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my).

Sehingga Jun 2017, sebanyak 457 buah pusat jagaan di Negeri Selangor telah berdaftar dengan JKM dan senarai ini boleh disemak menerusi laman web seperti dinyatakan.

(Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor)

- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor telah mempunyai garis panduan atau sistem pengawasan dalam memastikan institusi-institusi rumah kebajikan menepati kepentingan awam telah pun sedia ada dan dikuatkuasakan oleh JKM sepetimana diperuntukkan di bawah Akta Pusat Jagaan. Antaranya adalah seperti berikut:-
- (i) Semua rumah rumah-rumah kebajikan yang dikendalikan oleh NGO/swasta perlu didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sepetimana peruntukan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]. Sebelum sesuatu pusat jagaan didaftarkan oleh pihak Jabatan, pihak pengendali mestilah mematuhi syarat-syarat penubuhan pusat jagaan seperti berikut:
- i. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS);
  - ii. Mendapat sokongan atau kelulusan daripada agensi teknikal iaitu:
    - a. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
    - b. Jabatan Bomba dan Penyelamat;
    - c. Jabatan Kesihatan
  - iii. Memenuhi standard minimum JKM iaitu:-
    - a. Nisbah penjaga dengan penghuni :
      - Kanak-Kanak bawah 4 tahun = 1 penjaga : 5 kanak-kanak
      - Kanak-Kanak 4 hingga 18 tahun = 1 penjaga : 18 kanak-kanak
      - OKU = 1 penjaga : 10 orang
      - OKU terlantar = 1 penjaga : 4 orang
      - Warga Emas = 1 penjaga : 18 orang
      - Warga Emas terlantar = 1 penjaga : 4 orang
    - b. Penjaga warganegara atau bukan mestilah berumur 18 tahun ke atas;

- c. Mematuhi nisbah penghuni dengan ruang lantai iaitu:
    - Kanak-kanak bawah 10 tahun adalah 3.5 meter persegi;
    - OKU adalah 3.5 meter persegi;
    - Remaja adalah 3.0 meter persegi; dan
    - Warga Emas adalah 3.0 meter persegi
  - d. Pengendali perlu menyediakan dan mempamerkan jadual menu makanan yang seimbang dan jadual aktiviti mengikut peringkat umur dan keperluan penghuni;
  - e. Pusat jagaan hendaklah mempunyai kemudahan, peralatan dan perabot yang sesuai, selamat dan mencukupi bagi keperluan penghuni;
  - f. Menyedia dan menyelenggara rekod-rekod di pusat jagaan; dan
  - g. Menjaga kebersihan dan keselamatan di dalam dan luar premis pusat jagaan.
- (ii) Selain itu, mekanisme pemantauan yang dilaksanakan ketika ini adalah menerusi pemeriksaan yang dijalankan oleh Pegawai Diberi Kuasa Pusat Jagaan yang telah diwartakan di bawah Akta ini. Pemeriksaan ini akan dilaksanakan secara berkala ataupun mengejut bagi memastikan pusat jagaan sentiasa patuh dan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Sehingga Jun 2017, sebanyak 146 buah pusat jagaan telah dibuat pemeriksaan oleh Pegawai Diberi Kuasa Pusat Jagaan.
- (iii) Manakala tindakan penguatkuasaan juga akan dikenakan terhadap pengendali yang gagal mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.
- Sehingga Jun 2017, sebanyak 11 kertas siasatan telah dibuka atas kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Manakala 7 buah pusat jagaan telah diambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta dan Peraturan.

Semua pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan yang dijalankan adalah bertujuan untuk memastikan pusat jagaan mematuhi peraturan yang ditetapkan serta demi menjamin kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai adalah memuaskan.

(Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor)

- c) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai rancangan untuk mewujudkan pusat pemulihan dan pendidikan kepada kanak-kanak *autism* atau *down syndrome*. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Belanjawan 2017 telah memperuntukkan sebanyak RM 3 juta kepada institusi atau badan kebajikan yang menyediakan Program Intervensi Awal (*Early Intervention Programme –EIP*) di Selangor untuk golongan kanak-kanak berkeperluan khas menerima terapi dan pendidikan yang sempurna. Melalui kaedah ini, lebih banyak institusi atau badan kebajikan yang mendapat manfaat daripada Kerajaan Negeri dan seterusnya membantu mereka untuk meningkatkan perkhidmatan EIP di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah dan kawasan projek Projek Perumah Rakyat (PPR) yang telah dan sedang dibina di Selangor dari tahun 2010-2017.
- b) Nyatakan jumlah rakyat Selangor yang menerima manfaat mengikut pecahan kaum.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, Kerajaan Negeri sejak tahun 2010 sehingga 2017 tiada pembangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah dan sedang dibina di Selangor. Setakat ini, Projek Perumahan Rakyat (PPR) sedia ada telah siap dibina di Selangor iaitu di PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang 1, PPR Kota Damansara, Subang, PPR Kg. Baru Hicom, Shah Alam dan PPR Taman Tasik Serendah, Hulu Selangor. Manakala PPR di Kampung Hassan, Hulu Bernam yang telah siap dibina oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak 300 unit bagi tujuan penjualan kepada orang awam.
- b) Berdasarkan rekod LPHS, jumlah permohonan yang menerima manfaat mengikut pecahan kaum di PPR di bawah pengurusan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) adalah seperti berikut :

Bil	Nama Projek Perumahan Rakyat (PPR)	Kaum			
		Melayu	Cina	India	Lain-Lain
1	PPR Kg.Baru Hicom, Shah Alam	845	1	87	-
2	PPR Taman Tasik Serendah, Hulu Selangor	108	1	9	7

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : KES PAIP PECAH**

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah kes dan kos penyelenggaraan paip pecah mengikut wilayah sejak tahun 2016.
- Adakah benar kes paip pecah meningkat selepas Air Selangor Sdn. Bhd. mengambil alih SYABAS?. Jika ya, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN:**

- Jumlah kes paip pecah sejak 2016 ( $5,782 + 2,716$ ) adalah 8,498 seperti berikut.

Bil.	Wilayah	Jan-Dis 2015	Jan-Dis 2016	Jan-Jun 2017
1	Gombak	552	754	423
2	Hulu Langat	657	651	421
3	Hulu Selangor	610	709	255
4	Klang	309	540	372
5	Kuala Langat	431	381	179
6	Kuala Lumpur	884	853	335
7	Kuala Selangor	301	292	124
8	Petaling	949	1,105	413
9	Sabak Bernam	106	182	61
10	Sepang	302	315	133
<b>Jumlah Kes</b>		<b>5,101</b>	<b>5,782</b>	<b>2,716</b>
<b>Purata</b>		<b>425</b>	<b>482</b>	<b>453</b>
<b>Varian</b>		-	<b>57</b>	<b>- 29</b>
<b>Peratusan</b>		-	<b>13%</b>	<b>-6%</b>

Jumlah kos pembaikan paip pecah adalah RM 32 juta seperti berikut.

<b>Bil.</b>	<b>Wilayah</b>	<b>Jan-Dis 2016</b>	<b>Jan'17 - Mei'17</b>
1	Gombak	2,322,256	1,172,777
2	Hulu Langat	2,601,432	1,264,771
3	Hulu Selangor	1,438,000	667,235
4	Klang	6,121,098	2,549,571
5	Kuala Langat	964,624	293,226
6	Kuala Lumpur	2,959,712	1,174,936
7	Kuala Selangor	881,846	472,039
8	Petaling	4,048,476	1,506,028
9	Sabak Bernam	733,681	444,061
10	Sepang	758,942	600,365
<b>Jumlah</b>		<b>22,830,066</b>	<b>10,145,010</b>

- b) Secara purata kes paip pecah pada tahun 2016 mencatatkan peningkatan sebanyak 13% berbanding dengan tahun 2015. Pada tahun 2017, purata kes paip pecah mencatatkan penurunan 6% berbanding dengan tahun 2016.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL**  
**(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : ELAUN KEPADA KOORDINATOR PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah pihak kerajaan tidak meletakkan satu tarikh khas untuk membayar elaun kepada Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI)?

**JAWAPAN:**

- a) Koordinator Pembangunan Modal Insan (KPMI) dilantik melalui Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) atau lebih dikenali sebagai *contract for service*. Terdapat perbezaan antara lantikan secara SPS dengan Skim lantikan yang lain berdasarkan Garis Panduan yang diedarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada semua jabatan bertarikh 30 April 2009.

Garis Panduan tersebut antara lain menyebut tentang status perkhidmatan SPS seperti berikut:

- (i) Pelantikan tidak menjadikan individu tersebut sebagai seorang pegawai awam dan pelantikan SPS merupakan kontrak pembelian perkhidmatan daripada seseorang individu oleh kerajaan;
- (ii) Pelantikan ini tidak layak untuk dijadikan asas untuk menyokong permohonan supaya dilantik secara tetap, sementara atau kontrak (*contract of service*);

Merujuk kepada garis panduan pelantikan KPMI secara SPS itu, Jabatan tidak terikat untuk memastikan pembayaran elaun KPMI dan guru-guru mengikut gaji kakitangan awam Kerajaan Negeri Selangor iaitu secara tetap pada tarikh tertentu. Pembayaran elaun KPMI dan guru-guru akan dibuat selepas jabatan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan melalui laporan yang dikemukakan secara bulanan.

Namun begitu, pihak jabatan akan mengemukakan permohonan bayaran diproses sebelum atau pada 15haribulan pada setiap bulan. Sekiranya tiada sebarang isu teknikal timbul, pembayaran akan diterima pada dalam jangka masa dua minggu daripada tarikh permohonan pembayaran dikemukakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(N49 SERI ANDALAS)**

**TAJUK : PEMUTIHAN KILANG-KILANG HARAM**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kilang-kilang haram yang telah diputihkan di daerah Klang sejak dari tahun 2010 sehingga sekarang?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK (N09 PERMATANG), Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (N20 LEMBAH JAYA) DAN Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM (N49 SERI ANDALAS) KEPADA DATO' SERI MENTERI BESAR**

**KILANG HARAM**

- a) Nyatakan jumlah dan lokasi kilang haram yang masih beroperasi di Selangor?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri kepada kilang haram tersebut?
- c) Nyatakan jumlah kerugian Kerajaan Negeri akibat kewujudan kilang haram tersebut?
- d) Kewujudan kilang haram dan perniagaan di tapak kediaman (tanah lot) yang sudah lama dibina, bagaimana mengatasinya?
- e) Pemberian kompaun tidak menyelesaikan masalah. Apakah perancangan jangka panjang yang dirancang bagi menyelesaikan masalah tersebut?
- f) Kewujudan berapakah jumlah kilang-kilang haram yang telah diputihkan di Daerah Klang sejak dari tahun 2010 sehingga sekarang?

**JAWAPAN BAGI PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK (N09 PERMATANG), Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ (N20 LEMBAH JAYA) DAN Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM (N49 SERI ANDALAS) KEPADA DATO' SERI MENTERI BESAR**

Isu berkaitan kilang haram ini menjadi satu isu yang sering diperkatakan oleh wakil rakyat. Pada sidang dewan kali ini, saya akan menjawab pertanyaan mulut daripada Y.B. Datuk Sulaiman bin Abdul Razak (Permatang), Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas) dan Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya) secara bersekali.

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) telah menubuhkan Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor (JTPKHNS) untuk memantau dan memberi nasihat berkaitan kilang-kilang haram. Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran (PPKTK) di Negeri Selangor telah dilancarkan pada 31 Julai 2006. Berdasarkan bancian awal terdapat lebih kurang **3,165** buah kilang.

Setelah semakan semula dibuat hanya **2,998** buah kilang telah dibina di atas **2,523** lot tanah pertanian. Sepanjang tempoh PPKTK hanya **1,346** lot telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah daripada pertanian kepada industri. Daripada jumlah permohonan tersebut sebanyak **1,223** telah diluluskan dan sebanyak **1,154** lot yang masih belum mengemukakan permohonan.

Karajaan Negeri mengambil kira premium tambahan yang belum dilangsaikan sebagai satu bentuk kerugian dan setakat ini sebanyak RM65 juta (bayaran premium tambahan) dianggarkan telah tidak dapat dikutip. Statistik kilang tanpa kebenaran di Negeri Selangor seperti di **Lampiran A** setakat 31 Disember 2015 sahaja. Berdasarkan kepada Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 1 Tahun 2015, PPKTK di Negeri Selangor tamat pada 31 Disember 2015.

Mesyuarat JTPKHNS yang diadakan pada 24 Januari 2017 telah bersetuju tindakan penguatkuasaan dilaksanakan melibatkan kilang-kilang di sepanjang sungai dan sekitarnya. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tertakluk kepada undang-undang sedia ada antaranya di bawah Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 serta undang-undang di bawah Agensi Kerajaan yang berkaitan.

Kilang-kilang dan perniagaan di atas tapak kediaman adalah melanggar syarat nyata tanah. Bagi mengatasi masalah tersebut, Pentadbir Tanah Daerah (PTD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah undang-undang masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF**  
**(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PELABURAN MASUK KE SELANGOR**

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelaburan masuk ke Selangor pada tahun 2017.
- b) Senaraikan tarikan baru yang menarik minat pelabur untuk melabur di Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pelaburan masuk ke Selangor pada tahun 2017 tidak dapat dinyatakan kerana sehingga kini pihak Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia masih belum mengumumkan statistik pelaburan yang terkini bagi tahun 2017.
- b) Antara tarikan baru yang menarik minat pelabur untuk melabur di Negeri Selangor adalah seperti berikut;-
  - i. Industri Aero Angkasa.
  - ii. Pemprosesan Makanan dan Minuman.
  - iii. Industri Halal.
  - iv. Industri Bio-Teknologi
  - v. Industri ICT
  - vi. Perkhidmatan Logistik dan Pergudangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NG SZE HAN**  
**(N30 KINRARA)**

**TAJUK : FOOD STAMP**

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah caj pengurusan yang dikenakan oleh Hijrah Selangor dalam mengendalikan Skim Food Stamp?
  - Senaraikan semua pembekal food stamp yang terlibat termasuk pembekal barang dan pembekal logistik yang dilantikkan oleh Hijrah Selangor bagi skim Food Stamp.

**JAWAPAN:**

- Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bertarikh 8 Jun 2016 EXCO-MTES No.4/15/2016 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 20/2016 pada 15 Jun 2016 dengan kadar caj pengurusan yang dikenakan oleh pihak Hijrah Selangor sebanyak 8% daripada jumlah keseluruhan kos pelaksanaan program pemberian bantuan makanan atas 'Smart Selangor Food Stamp', iaitu bersamaan RM400.00 bagi setiap trip ke setiap DUN di Selangor. Caj pengurusan ini adalah termasuk kos logistik, kos penghantaran dan kos pekerja bagi menjayakan program ini.
- Sepanjang perlaksanaan program Food Stamp, pihak Koperasi Warga Hijrah Selangor (Kohijrah) telah melantik tiga (3) syarikat pembekal iaitu;
  1. Segi Fresh Cash & Carry
  2. Syarikat Mayang Technology
  3. Syarikat Warisan Bagan

Ketiga-tiga syarikat dipertanggungjawabkan untuk membekal dan membuat penghantaran barang 'Smart Selangor Food Stamp' ke semua DUN sebagaimana jadual yang telah ditetapkan dan persetujuan tarikh oleh pihak Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) yang terlibat.

(Sumber : Hijrah Selangor)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : SAMPAH HARAM GOMBAK**

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini tempat pembuangan sampah haram di lokasi berikut: Kg. Sg. Pusu & Batu 9 Gombak berhampiran Restoran Nelayan Gombak?
- b) Kenapakah tindakan merampas tanah gagal dan dinafikan oleh mahkamah di Kg. Sg. Pusu Gombak?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi lokasi di Kampung Sungai Pusu, tindakan penguatkuasaan telah diambil di mana Notis 7A ke atas pemilik tanah telah dikeluarkan. Lanjutan daripada itu, tindakan rampasan jentera, operasi statik dan rampasan tanah hak milik yang terlibat dengan pembuangan sampah haram juga telah dibuat.

Selain itu, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak juga turut mengambil tindakan memagar tanah hak milik kerajaan bersebelahan lokasi pembuangan sampah haram tersebut bagi mengelak sampah haram dibuang di atas tanah hak milik kerajaan.

Bagi lokasi di Batu 9 berhampiran Restoran Nelayan pula, Notis 7A bagi tempoh 21 hari dengan syarat '**memungut, membersihkan dan membuang sampah ke tempat pelupusan sampah yang diwartakan serta memagarkan kawasan mengikut hak milik tersebut**' telah dikeluarkan pada 4 November 2015 kepada pemilik-pemilik tanah yang terlibat dengan aktiviti pembuangan sampah haram. Namun begitu, notis gagal disampaikan kepada kesemua 30 pemilik yang berdaftar. Oleh yang demikian, PDTG akan mengambil tindakan susulan selaras dengan Seksyen 128-130 Kanun Tanah Negara 1965.

Kegiatan pembuangan sampah haram masih berlaku walaupun PDTG telah menjalankan operasi statik di kawasan terlibat. Bidang kuasa Pentadbir Tanah adalah terhad di mana tindakan hanya boleh diambil ke atas pemilik tanah sedangkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan ke atas pihak kontraktor pembuangan sampah masih belum ditangani sepenuhnya. Oleh yang demikian, peranan dan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan yang lain adalah sangat

diperlukan bagi mengatasi masalah pembuangan sampah haram ini kerana ia turut melibatkan kegiatan *gangsterism*.

- b) PDTG telah mengeluarkan Notis 7A bertarikh 2 Julai 2015 bagi tempoh 30 hari dengan syarat **memulihkan semula kategori penggunaan tanah kepada pertanian dan syarat nyata seperti yang termaktub dalam hak milik iaitu tanaman am**. Seterusnya Notis 7B bertarikh 8 September 2015 bagi tujuan siasatan telah dikeluarkan dan didapati tuan tanah gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Notis 7A. Seterusnya, Notis 8A bagi perampasan tanah telah dikeluarkan pada 17 September 2015 di mana kemudianya pemilik tanah telah mencabar keputusan Pentadbir Tanah di mahkamah.

Berdasarkan maklumat daripada Kamar Penasihat Undang- Undang Negeri, tindakan merampas tanah di Sungai Pusu telah dinafikan oleh mahkamah berikut tempoh masa yang diberikan kepada pemilik tanah untuk memulihkan tanah tersebut adalah singkat dan tidak memadai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : HIJRAH MENGELOUARKAN INDIVIDU DARIPADA KEMISKINAN**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kajian keberkesanan HIJRAH mengeluarkan individu daripada kemiskinan telah dijalankan? Apakah dapatan dan rumusan yang dapat dibuat daripada kajian tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Hijrah Selangor dengan kerjasama UNISEL / IDE telah merangka satu kajian impak yang akan dilaksanakan pada tahun 2017. Kertas cadangan penyelidikan kepada Kerajaan Negeri telah disediakan.

Walau bagaimanapun, pihak IDE telah melaksanakan satu kajian secara rawak ke atas peminjam Hijrah Selangor Cawangan Sungai Besar pada 14 hingga 15 Mei 2016. Hasil kajian mendapati sebanyak 80.4% mengakui peminjam Hijrah Selangor mampu menghapuskan hutang petani dan nelayan dari pinjaman kepada peraih (orang tengah).

Seramai 8283 orang dengan nilai pinjaman RM 96.3 Juta telah selesai membayar balik dengan baik bagi pusingan pertama. Daripada jumlah ini, seramai 6975 orang (84.2%) telah membuat pinjaman ulangan bernilai besar dan baki 1307 orang (15.8%) tidak keluar dari ahli Hijrah tetapi tidak meminjam (tunggu jika perlu).

Sekiranya peminjam-peminjam ini tidak mendapat pulangan yang baik hasil dari pinjaman Hijrah berkemungkinan mereka tidak akan meminjam semula dengan Hijrah Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : BANTUAN JKM SEPANJANG 2016**

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah jumlah penerima bantuan dan apakah kategori bantuan?
  - Berapakah jumlah penerima yang tidak lagi perlu bergantung kepada bantuan?
  - Apakah program yang dirangka bagi meningkatkan potensi penerima supaya tidak bergantung lagi kepada bantuan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan Skim Bantuan Persekutuan dan Skim Bantuan Am Negeri kepada rakyat Selangor. Berikut adalah jumlah penerima dan kategori bantuan secara bulanan yang disalurkan sepanjang tahun 2016 :

<b>Skim Bantuan</b>	<b>Jenis Bantuan</b>	<b>Kategori Bantuan</b>	<b>Jumlah Penerima</b>
<b>Persekutuan</b>	Bantuan Kanak-Kanak	Keluarga Miskin	5,422
	Bantuan Orang Tua	Warga Emas	10,730
	Elaun Pekerja Cacat	OKU	8,797
	Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar	OKU	2,025
	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	OKU	6,902
	Bantuan Anak Pelihara	Pemeliharaan dan Perlindungan Kanak-Kanak	92

<b>Negeri</b>	Bantuan Am	Keluarga Miskin	4,834
---------------	------------	-----------------	-------

*Sumber : Bahagian Kebajikan Produktif, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor*

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, jumlah penerima Bantuan Am Negeri yang ditamatkan kerana melepassi paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sepanjang tahun 2016 adalah seramai 1,273 orang.
- c) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan program membantu meningkatkan pendapatan klien penerima bantuan yang berpotensi dan berminat di dalam *2 Years Exit Programme (2YEP)* di bawah Skim Bantuan Persekutuan. Klien penerima bantuan sedia ada akan diberi Bantuan Geran Pelancaran sebanyak RM2,700 seorang dan akan diselia dan dibimbing bagi meningkatkan pendapatan sehingga melepassi PGK semasa dalam tempoh dua (2) tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK : PROJEK PENGGANTIAN PAIP**

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status dan perincian projek penggantian paip?
- b) Apakah impak pelaksanaan projek ini kepada rakyat Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Status dan perincian program penggantian paip air lama dilampirkan.
- b) Impak program penggantian air lama akan mengurangkan kekerapan paip pecah serta mengurangkan pembaziran air akibat paip yang pecah. Ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kekerapan gangguan bekalan air kepada pengguna.

Hotspot	Pakej	Lokasi	Daerah	Panjang Paip (km)	Tahun Pelaksanaan	Status
1	1	Gombak Setia	Gombak	2.13	2016/2017	Kerja-kerja penggantian paip air lama sedang dilaksanakan
2		Tmn Sri Gombak		3.58		
3		Tmn Melawati		9.57		
4		Brickfields	Kuala Lumpur	3.93		
5		Kg Cheras Baru		3.51		
6		Bandar Tun Razak		1.00		
7	2	Seksyen 17, Petaling	Petaling	13.29		
8		Kg Sg Kayu Ara		3.75		
9		Tmn Cempaka	Kuala Lumpur	2.83		
10		Bangsar		5.10		
11	3	Kebun Baru	Kuala Langat	6.60		
12		Batu 9, Kg Kebun Baru		8.00		
13		Bkt Changgang		12.08		
14		Jln Meru	Klang	8.11		
15		Persiaran Kayangan		1.08		
16	4	Seksyen 5, Bkt Gasing	Petaling	11.14		
17		Kg Baru Subang		8.28		
18		Kg Tasik Permai	Gombak	10.14		
19	5	Tmn Putra Perdana, Puchong	Sepang	10.44		
20		Kg Assam Kumbang	Hulu Selangor	3.47		
21		Bandar Rinching Seksyen 2	Hulu Langat	4.42		
22		Country Heights		8.81		
23		Bandar Rinching Seksyen 5		3.24		
<b>JUMLAH 2016-2017</b>				<b>144.50</b>		

Hotspot	Pakej	Lokasi	Daerah	Panjang Paip (km)	Tahun Pelaksanaan	Status	
24	6	Kg Tasek Permai	Gombak	2.91	2017/2018	Dalam proses untuk dianugerahkan kontrak	
25		Jln Syed Mansor KKB	H Sgor	1.20			
26		Seksyen 3, Shah Alam	Klang	6.11			
27		Seksyen 7, Shah Alam	Klang	4.20			
28		Tmn Hiew Piow	H Langat	1.78			
29		Country Heights 2	H Langat	10.37			
30	7	Taman Putra Perdana	Sepang	10.78	2017/2018	Kontrak telah dianugerahkan kepada Sumur Mutiara Sdn Bhd	
31		Desa Pinggiran Putra	Sepang	5.32			
32		Kg Limau Manis	Sepang	3.70			
33		Tmn Pantai Sepang Putra	Sepang	8.20			
34	8	Kg Baru Subang	Petaling	8.40	2017/2018	Dalam proses untuk dianugerahkan kontrak	
35		Kg Melayu Subang	Petaling	9.40			
36		Tmn Wawasan	Petaling	5.08			
37		Taman Bkt Kuchai	Petaling	1.83			
38		Kg Desa Aman	Petaling	2.40			
39		Tmn Sri Serdang	Petaling	2.50			
40	9	Kg Sungai Buaya	K Langat	9.82	2017/2018	Dalam peringkat penilaian tender	
41		Kg Sg Kelambu	K Langat	10.92			
42		Kg Labuhan Dagang	K Langat	12.69			
43	10	Selayang Baru	Gombak	9.62	2017/2018	Dalam peringkat penilaian tender	
44		FRIM Kepong	Gombak	8.59			
45		Kg Genting Permai Btg Kali	H Sgor	2.60			
46		Peringkat 3 Kg Sg Buaya	H Sgor	2.40			
47		Kg Lim Tan Rawang	H Sgor	2.00			
48		Jln Besar Kg Keliang	H Sgor	3.00			
49	11A	Shah Alam	Klang	1.40	2017/2018	Dalam peringkat penilaian tender	
50		Pelabuhan Klang	Klang	1.00			
51		Seksyen 16, Shah Alam	Klang	0.70			
52		Tmn Sri Andalas	Klang	2.45			
53		Teluk Pulai	Klang	2.60			
54		Jln Menteri Sg Besar	S Bernam	0.50			
55		Kg Seri Tiram Jaya Tg Karang	K Sgor	3.60			
56		Kg Pasifik Tin Bestari Jaya	K Sgor	1.10			
57		Kg Merbau Sempak	Petaling	8.60			
<b>JUMLAH 2017-2018</b>				<b>167.77</b>			
58	11B	Kg Kubu Gajah	Petaling	16.80	2018/2019	Reka bentuk telah disiapkan untuk ditender pada tahun 2018.	
59		Jalan Cheras-Kajang	H Langat	3.80			
60		Hulu Langat Road	H Langat	12.40			
61		Pumping Main Taman Segar	KL	1.50			
62		Pumping Main Bangsar Villa	KL	1.80			
63		Jln Jintan Tmn Supreme	KL	0.46			
64		Pumping Main Sri Hartamas	KL	5.00			
65		Taman Bukit Anggerik	KL	0.57			
66		Kg Seri Delima	KL	1.00			
67		Kg Bandar	K Langat	4.50			
68	13	Pekan Chodoi	K Langat	1.00			
69		Kg Kanchong Tengah	K Langat	3.65			
70		Kg Jenjarom	K Langat	10.00			
71		Kg Seri Cheding	K Langat	4.80			
72		Labu Lanjut	Sepang	2.50			
73	14	Kaw Perusahaan Batu Caves	Gombak	2.60			
74		Pg Pasir Putih Kalumpang	H Sgor	5.00			
75		Rumah Murah Rasa	H Sgor	1.00			
76		Tmn Seri Indah Bestari Jaya	K Sgor	1.93			
77		Kg Sg Udang	Klang	2.74			
78		Tebuk Rukun Parit Baru	S Bernam	3.00			
79	15	Sect 5 Kota Damansara	Petaling	0.10			
80		Kg Paya Jaras	Petaling	7.81			
81		Jln Rincing Hilir	H Langat	7.22			
82		Jln Beranang	H Langat	3.93			
83		Jalan Sg Lui	H Langat	4.00			
84		Kg Kuala Pajam	H Langat	1.13			
<b>JUMLAH 2018-2019</b>				<b>110.24</b>			
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>422.51</b>			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE**  
**(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : CUKAI PELANCONGAN**

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah hotel yang akan terjejas berikutan perlaksanaan Cukai Pelancongan.
- b) Huraikan adakah ia membawa sebarang impak negatif dan positif kepada pihak kerajaan.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah hotel yang akan terjejas berikutan Cukai Pelancongan adalah sebanyak **29 buah Hotel yang bertaraf 4 dan 5 bintang di seluruh Negeri Selangor.**
- b) Secara dasarnya, Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan pelaksanaan cukai pelancongan ini yang lebih memberikan impak negatif, mengikut beberapa perkara seperti berikut:-

**i) Memberi impak kepada keadaan ekonomi semasa negara.**

- a) Cukai tersebut diperkenalkan Malaysia pada waktu tidak sesuai kerana industri pelancongan negara sedang meningkat manakala inflasi berada pada paras tinggi.
- b) Pengenalan cukai ini juga berisiko melembapkan aktiviti ekonomi dan menjelaskan pendapatan rakyat terutamanya peniaga Industri Kecil Sederhana (IKS) yang membantu dalam menyumbang di dalam peningkatan ekonomi dalam industri pelancongan.
- c) Pihak kerajaan perlu menjalankan kajian dengan lebih terperinci lagi khusus bagi mengetahui mengenai kesan berangkai daripada perlaksanaan cukai pelancongan terbabit terutamanya terhadap industri – industri tempatan yang mempunyai kaitan dengan industri pelancongan.
- d) Kajian boleh dilakukan melalui kerjasama dengan badan – badan bukan kerajaan yang berkaitan (NGO) serta pakar – pakar industri pelancongan dan ekonomi bagi memastikan, perlaksanaan cukai pelancongan terbabit tidak membawa kesan negatif yang teruk terhadap pihak industri tempatan yang bergantung hidup terhadap industri pelancongan negara.

- ii) Kenaikan kos lawatan untuk melancong**
  - a) Pengenalan cukai tersebut menyebabkan kenaikan yang mendadak bagi pelbagai kos yang melibatkan elemen percutian seperti kos penginapan, pakej lawatan, acara berkumpulan (MICE) dan kos pengangkutan.
  - b) Hal ini juga menjasakan lawatan untuk para pelancong yang sudah menempah lawatan perjalanan dan percutian mereka di Malaysia dengan lebih awal.
- iii) Impak terhadap jualan bilik hotel/penginapan untuk penggiat Industri hotel bertaraf 4 dan 5 bintang.**
  - a) Pelaksanaan cukai ini memberi kesan negatif ke atas pengusaha hotel berlesen kerana kebanyakan pelancong dijangka tinggal di hotel-hotel bajet, motel, rumah tumpangan dan inap desa tidak berlesen di Negeri Selangor untuk mengelak daripada membayar cukai. Hal ini mendatangkan komplikasi pada masa hadapan disebabkan perubahan ‘trend’ dalam industri pelancongan dan hospitaliti.
  - b) Apabila cukai baru diperkenalkan, ianya akan memberi kesan kepada harga bilik penginapan di dalam pasaran. Walaupun pendapatan cukai ini diperuntukkan untuk tujuan promosi pelancongan negara, kesan daripada kempen promosi ini akan diimbangi oleh pengurangan dalam jumlah kedatangan pelancong yang sebenar yang melawat negara ini.
  - c) Jangkaan bagi perusahaan hotel yang mula merosot juga akan menjasakan peluang pekerjaan dan risiko untuk mereka kehilangan pekerjaan adalah tidak mustahil. Maka sudah tentu pengenalan cukai ini bakal melihatkan lambakan pengangguran tenaga muda.
- iv) Impak kepada kedatangan pelancong ke Negeri Selangor.**
  - a) Menjejaskan kedatangan pelancong terutamanya pelancong domestik. Walaupun hotel bertaraf empat atau lima bintang lebih menumpukan sasaran mereka terhadap pelancong asing namun kehadiran pelancong

tempatan juga perlu diambil kira. Hal ini kerana pelancong tempatan juga adalah segmen terpenting dalam sektor pelancongan negara.

- b) Hal ini juga menjelaskan pelancong asing yang akan menyebabkan pelancong yang menetap bagi tempoh masa panjang akan memendekkan tempoh penginapan mereka kerana terpaksa menanggung kos yang tinggi kerana cukai dikenakan pada setiap malam untuk 1 bilik.

v) **Perbelanjaan untuk Hasil kutipan cukai pelancongan tidak jelas.**

- a) Dianggarkan kerajaan bakal mengutip RM654.62 juta setahun hasil Cukai Pelancongan tetapi ke mana wang itu akan dibelanjakan masih kabur. GST boleh dijadikan contoh untuk melihat kegagalan kerajaan mengurus wang kutipan cukai. Kutipan GST berjumlah lebih RM41 bilion setahun masih gagal dipastikan ke mana ia dibelanjakan.
- b) Kerajaan Pusat juga perlu menjamin hasil yang dikutip akan disalurkan untuk membina dan menambah baik infrastruktur pelancongan tempatan perlu menjadi proses telus supaya orang ramai dan penggiat industri pelancongan dapat melihat berapa banyak pendapatan yang dikumpul dan bagaimana ia dibelanjakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(N20 LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PENGANGGURAN BELIA**

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan peratus pengangguran di kalangan belia Selangor?
  - Adakah tahap pengangguran ini membimbangkan Kerajaan Negeri? Bagaimanakah kedudukan Selangor jika dibandingkan dengan negeri yang lain?
  - Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pengangguran ini dan nyatakan tahap keberkesanannya?

**JAWAPAN:**

- Generasi Muda merupakan tonggak utama kepada pembangunan pesat Negara serta merupakan aset yang penting dan bernilai kepada sesebuah Negeri dan penggerak kepada tenaga kerja. Peratusan pengangguran Generasi Muda pada bulan Januari 2017 adalah sebanyak 3.2% dengan bilangan pengangguran adalah sebanyak 103,700 orang.

**Jadual 1: Bilangan penganggur dan kadar pengangguran 2014, 2015, separuh tahun pertama 2015 (H1/2015) dan separuh tahun pertama 2016 (H1/2016), Malaysia dan Selangor**

Tempoh	Bilangan penganggur ('000)		Kadar pengangguran (%)	
	Malaysia	Selangor	Malaysia	Selangor
<b>2014</b>	411.1	62.4	2.9	2.0
<b>2015</b>	450.3	77.9	3.1	2.4
<b>H1/2015</b>	443.9	73.9	3.1	2.3
<b>H1/2016</b>	501.6	103.7	3.4	3.2

**Sumber:** Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

- b) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan sentiasa mencari pembaharuan dan amat menitikberatkan aspek pembangunan generasi muda dan sukan dalam usaha untuk melahirkan generasi muda yang sentiasa berdaya saing, bersatu-padu, bekerjasama, berwawasan, aktif dan sihat sejajar dengan arus pembangunan pada masa kini.

Sekiranya dilihat daripada angka yang diberikan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu sebanyak 3.2% adalah kadar pengangguran di Selangor lebih rendah daripada kadar pengangguran Malaysia. Tahap pengangguran ini adalah pada tahap yang tidak membimbangkan kerana kadar penyertaan tenaga buruh bagi Negeri Selangor adalah sebanyak 74.2%, tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

- c) Dalam usaha untuk mengatasi masalah pengangguran, Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai insentif kepada belia di Selangor terutamanya untuk menjadi usahawan yang berjaya dan juga untuk merangsang aktiviti keusahawanan belia di Selangor dengan bantuan perniagaan yang disediakan kepada anak muda.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan, telah menganjurkan satu program Karnival Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia. Program yang dilaksanakan ini telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 10,000 orang untuk mengisi 5,818 tawaran kekosongan jawatan. Program Karnival Kerjaya (Job Fair) ini juga telah diadakan di daerah-daerah seperti Kuala Langat dan Kuala Selangor dengan sambutan yang menggalakkan dengan pengunjung yang melebihi 1000 orang setiap daerah.

Seterusnya, Kerajaan Negeri turut mengadakan program dan bantuan kepada belia bagi tujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka untuk mencebur dalam bidang perniagaan dan keusahawanan seperti berikut :-

- i. Dana Usahawan Mikro Selangor;
- ii. Pameran/Ekspo ;
- iii. Karnival/Festival Usahawan;
- iv. Kursus/Latihan ;
- v. Program Peningkatan Keupayaan Reka Bentuk Pembungkusan Produk Usahawan Negeri Selangor (4P); dan
- vi. Program Hijrah Selangor

Melalui program HIJRAH Selangor, pinjaman kewangan diberikan kepada golongan belia bagi memulakan perniagaan untuk menjadi usahawan berjaya melalui skim seperti berikut :-

JENIS SKIM	PINJAMAN	TEMPOH BAYARAN BALIK	
SKIM 1	3,000.00-5,000.00	25 minggu (6 bulan)	Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkelayakan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 2	6,000.00-10,000.00	25 minggu (6 bulan)	Ditawarkan kepada semua peminjam yang berkelayakan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 3	15,000.00-20,000.00	25 minggu (6 bulan)	Hanya ditawarkan kepada peminjam yang telah tamat pinjaman pusingan pertama dengan kredit disiplin yang memuaskan
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	
SKIM 4	30,000.00-50,000.00	25 minggu (6 bulan)	
		50 minggu (12 bulan)	
		100 minggu (24 bulan)	
		150 minggu (36 bulan)	

Seterusnya, Kerajaan Negeri juga turut menganjurkan Program Pembangunan Usahawan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi membantu golongan belia menjana pendapatan sendiri seperti program berikut :-

Bil	Program	Jenis Bantuan	Jumlah Usahawan
1	Perintis Usahawan	Bimbingan & Latihan	1,440
2.	Tunas Niaga	Bimbingan & Latihan	19,653
3	Kelab Permata Selangor	Bimbingan & Latihan	11,406
4.	GROW	Bimbingan & Latihan	163
<b>JUMLAH KESELURUHAN USAHAWAN BELIA</b>			<b>32,662</b>

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut mengadakan Program Klinik Usahawan bagi memastikan belia usahawan sentiasa diberi latihan dan kursus bagi menjamin belia Selangor terus berjaya dalam bidang keusahawanan. Statistik program di bawah Program Klinik Usahawan adalah seperti jadual berikut :-

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH SEMINAR / BENGKEL / KURSUS/LAWATAN</b>	<b>JUMLAH PESERTA</b>
1.	2013	18	995
2.	2014	14	798
3.	2015	20	843
4.	2016	17	589
<b>JUMLAH</b>		<b>69</b>	<b>3,225</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK : *BLUEPRINT DENGGI***

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Bilakah blueprint menghapus Denggi akan dihebahkan dan diimplementasikan di seluruh Selangor?
  - Apakah kandungan utamanya?
  - Apakah kajian yang telah dijalankan bagi menghasilkan "blueprint" tersebut?

**JAWAPAN:**

- Blueprint Menangani Wabak Demam Denggi Peringkat Negeri Selangor sedang dalam peringkat semakan akhir sebelum ianya dapat digunakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Kandungan utama yang terdapat di dalam Blueprint Menangani Wabak Demam Denggi adalah tindakan serta-merta yang perlu dilaksanakan oleh PBT Negeri Selangor apabila punca-punca pembiakan Aedes telah dikenal pasti. Berikut adalah senarai tindakan yang terkandung di dalam draf Blueprint tersebut:
  - Tatacara pelaksanaan Program Smart Tapak Bina Negeri Selangor;
  - Tatacara pembersihan tanah lapang, lot kosong dan premis terbiar milik persendirian;
  - Tatacara penguatkuasaan bangunan tanpa kebenaran di atas tanah awam;
  - Tatacara pemeriksaan premis barang lusuh;
  - Tatacara pemeriksaan lorong belakang;
  - Tatacara tindakan kompaun bagi kawalan wabak denggi;
  - Tatacara prosedur operasi bagi penyelesaian permasalahan di bangunan berstrata;
  - Garis Panduan Cari dan Musnah Denggi dalam 10 minit; dan
  - Garis Panduan Unit Tindakan Khas Denggi Negeri Selangor (UTKD).

- c) Dalam proses penyediaan blueprint ini, satu kajian bagi tujuan mengenal pasti punca-punca berlakunya wabak denggi telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Kajian tersebut telah mengenal pasti punca-punca berlakunya wabak, seterusnya mencadangkan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi punca-punca tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : MAKHLUK PEROSAK TANAMAN**

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan permasalahan gangguan dan serangan monyet, kera, lotong dan babi hutan ke atas tanah-tanah pertanian?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Pertanian melalui Bahagian Biosekuriti tanaman dengan kerjasama Jabatan Perhilitan menyediakan perangkap-perangkap bagi musuh-musuh tanaman seperti kera, monyet dan babi hutan. Prinsip utama pengawalan perosak ini adalah untuk mengawal populasi perosak seperti kera dan babi hutan. Untuk rekod, pada tahun lalu, Jabatan Pertanian telah memindahkan 1,520 ekor kera dan 620 ekor sehingga Jun 2017 yang mengganggu tanaman dengan kerjasama Jabatan Perhilitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : KEMUDAHAN PERKHIDMATAN BAS PERCUMA "SMART SELANGOR"**

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah bas percuma Smart Selangor bermula melalui kawasan DUN Teratai?
- b) Berapakah bilangan populasi penduduk di DUN Teratai dijangka akan menikmati kemudahan bas percuma Smart Selangor tersebut?

**JAWAPAN:**

- a)
  1. Perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya akan memperkenalkan dua (2) laluan baru pada 1 Ogos 2017 termasuk laluan di kawasan DUN Teratai. Dua laluan tersebut adalah :
    - 1.1. Laluan Bas Smart Selangor MPAJ02 yang melalui Bandar Baru Ampang hingga Taman Dagang Jaya sepanjang 10.7 kilometer; dan
    - 1.2. Laluan Bas Smart Selangor MPAJ03 yang melalui LRT Cempaka hingga ke Taman Bukit Teratai sepanjang 6.2 kilometer.
  - b) Laluan baru Bas Smart Selangor MPAJ03 iaitu dari LRT Cempaka ke Taman Bukit Teratai akan merangkumi dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Cempaka dan DUN Teratai. Populasi penduduk di kedua-dua kawasan yang dijangka akan menikmati kemudahan bas ini dianggarkan seramai 25,000 orang penduduk, tidak termasuk pelajar-pelajar dari 5 buah sekolah yang terdapat di sepanjang laluan ini.